

KOPITIAM OF STORIES – KEMPEN MERDEKA UNIVERSITI TAYLOR'S

TERMA DAN SYARAT

1. PENGANJUR

Kopitiam of Stories ("Kempen") dianjurkan oleh Taylor's University Sdn Bhd ("Penganjur").

1.2 TAKRIFAN

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya:

"Bahan Kempen" bermaksud kesemua Penyertaan, gambar, video, rakaman, dan kandungan lain yang dihasilkan atau dirakam sehubungan dengan Kempen;

"Item Percuma" bermaksud set makanan percuma yang boleh ditebus di bawah Klausa 8;

"Peserta" bermaksud mana-mana individu yang mengemukakan Penyertaan menurut Terma dan Syarat ini, termasuk pelajar, kakitangan dan ahli fakulti serta akademik Taylor's College dan Taylor's University;

"Penyertaan" bermaksud jawapan cerita yang dikemukakan oleh seorang Peserta melalui platform penyertaan rasmi; dan

"Vendor" bermaksud Bungkus Kaw Kaw dan mana-mana pembekal makanan dan minuman pihak ketiga lain yang dilantik oleh Penganjur sehubungan dengan Kempen.

2. KELAYAKAN

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelajar, kakitangan, ahli fakulti dan akademik Taylor's College dan Taylor's University.

2.2 Penyertaan dalam Kempen ini membawa maksud penerimaan Terma dan Syarat ini.

2.3 Penganjur berhak untuk mengesahkan identiti dan kelayakan peserta, termasuk meminta kad pengenalan pelajar atau kakitangan Taylor's University atau Taylor's College yang sah, sebelum menerima sesuatu penyertaan dan/atau membenarkan penebusan mana-mana item percuma di bawah Kempen ini.

2.4 Sekiranya seseorang Peserta berusia di bawah lapan belas (18) tahun, penyertaan dalam Kempen dan penebusan mana-mana Item Percuma adalah tertakluk kepada kebenaran ibu bapa atau penjaga sah, dan Penganjur berhak meminta bukti kebenaran tersebut sebelum menerima sesuatu Penyertaan atau membenarkan penebusan.

3. TEMPOH KEMPEN

3.1 Kempen ini akan dijalankan dari 10 Ogos 2026 hingga 21 Ogos 2026, atau tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur.

3.2 Penganjur berhak untuk meminda, memendekkan, memanjangkan, menggantung, atau menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlak tanpa notis terlebih dahulu.

4. PENYERTAAN

4.1 Peserta boleh mengemukakan jawapan kepada soalan cerita melalui platform penyertaan rasmi yang ditetapkan oleh Penganjur dan setiap peserta hanya berhak kepada SATU penyertaan dan SATU penebusan bagi keseluruhan tempoh kempen.

4.2 Peserta bersetuju bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan tidak melanggar mana-mana undang-undang yang terpakai atau hak pihak ketiga.

4.3 Penganjur berhak untuk menolak, mengalih keluar, mendiskualifikasikan, atau enggan menerima mana-mana penyertaan yang pada pandangannya tidak sesuai, menyinggung perasaan, menyalahi undang-undang, mengelirukan, fitnah, diskriminasi, lucah, atau selainnya bertentangan dengan objektif Kempen.

4.4 Penyempurnaan dan pengemukaan jayaan sesuatu jawapan cerita adalah syarat mandatori bagi kelayakan untuk menebus mana-mana item percuma yang ditawarkan di bawah Kempen ini.

4.5 Penyertaan cerita boleh dibuat dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil.

4.6 Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan, atau menahan mana-mana Penyertaan atau penebusan, dan mendiskualifikasikan Peserta berkenaan, sekiranya Penganjur secara munasabah mengesyaki penipuan, pertindihan penyertaan, penggunaan pelbagai identiti atau akaun, penyertaan yang dijana secara automatik atau bot, atau apa-apa kelakuan lain yang bertujuan untuk mengelakkan had satu (1) penyertaan dan satu (1) penebusan di bawah Klausula 4.1.

4.7 Sesuatu Penyertaan mestilah secara substansialnya merupakan hasil kreatif asli Peserta. Sekiranya mana-mana bahagian penting sesuatu Penyertaan dihasilkan atau dibantu secara substansial oleh alat kecerdasan buatan, Peserta hendaklah mendedahkan perkara ini semasa penyerahan. Penganjur berhak untuk menolak atau mendiskualifikasikan mana-mana Penyertaan yang tidak membuat pendedahan tersebut atau yang keseluruhannya atau secara dominan terdiri daripada kandungan yang dijana oleh kecerdasan buatan.

5. PERWAKILAN DAN WARANTI PESERTA

5.1 PERWAKILAN DAN WARANTI

Dengan mengemukakan kandungan, peserta mewakili dan mewaranti bahawa:

- a) penyertaan tersebut adalah hasil karya asli mereka atau mereka memiliki semua hak dan kebenaran yang diperlukan untuk mengemukakannya;
- b) penyertaan tersebut tidak melanggar hak harta intelek, privasi, kerahsiaan, atau hak-hak lain mana-mana pihak ketiga;
- c) mana-mana individu yang dirujuk dalam penyertaan tersebut telah memberikan kebenaran apabila diperlukan;
- d) penyertaan tersebut tidak mengandungi bahan yang menyalahi undang-undang, fitnah, mengancam, kasar, diskriminasi, atau menyinggung perasaan.

5.2 AKIBAT PELANGGARAN

Tanpa menjejaskan hak dan remedi Penganjur di bawah Klausa 11 (Ganti Rugi) atau selainnya, sebarang pelanggaran perwakilan dan waranti dalam Klausa 5 ini melayakkan Penganjur untuk menolak, mengalih keluar, atau mendiskualifikasikan Penyertaan berkenaan dan untuk menarik balik, menuntut semula, atau enggan menyerahkan mana-mana Item Percuma yang telah ditebus atau sedang menunggu penebusan sehubungan dengan Penyertaan tersebut.

6. HARTA INTELEK DAN LESEN KANDUNGAN

6.1 Peserta mengekalkan hak milik ke atas penyertaan asal mereka.

6.2 Dengan mengemukakan kandungan, peserta memberikan Penganjur, syarikat sekutunya, penggantinya, pemegang lesennya, dan rakan kongsi yang dibenarkan suatu lesen berkekal, seluruh dunia, tidak eksklusif, bebas royalti, boleh dipindah milik dan boleh dilesenkan-semula untuk menggunakan, mengeluarkan semula, menerbitkan, menyesuaikan, mengedit, menterjemah, mengedarkan, memaparkan, menyampaikan, mengarkib, dan menghasilkan karya terbitan daripada penyertaan tersebut dalam apa-apa media atau format bagi tujuan pendidikan, promosi, penyelidikan, pemasaran, institusi, penglibatan komuniti, pelaporan, dan pengarkiban.

6.3 Penganjur boleh menerbitkan penyertaan secara keseluruhan atau sebahagian dan boleh menyunting penyertaan bagi tujuan kejelasan, pemformatan, panjang, kebolehcapaian, atau kesesuaian, dengan syarat substans penyertaan tersebut tidak disalahnyatakan secara material.

6.4 Peserta mengakui bahawa tiada pampasan, royalti, fi, atau bayaran lain akan dibayar sehubungan dengan penggunaan tersebut.

6.5 Peserta boleh menyatakan keutamaan mereka untuk kekal tanpa nama dalam mana-mana penerbitan atau paparan penyertaan mereka. Penganjur akan berusaha secara munasabah untuk menghormati permintaan tersebut, tertakluk kepada keperluan operasi, editorial dan undang-undang.

6.6 Penyerahan penyertaan tidak menjamin penerbitan atau penampilan oleh Penganjur. Penyertaan terpilih mungkin ditampilkan di laman web, platform media sosial, laman kempen, penampilan editorial, penerbitan video, bahan promosi dan komunikasi institusi lain.

6.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, setiap Peserta secara tidak boleh ditarik balik mengetepikan, dan bersetuju untuk tidak menegaskan, apa-apa hak moral (termasuk hak pengiktirafan dan integriti) berhubung dengan Penyertaan mereka yang timbul daripada penggunaan hak yang diberikan di bawah Klausa 6.2 oleh Penganjur.

7. FOTOGRAFI, VIDEOGRAFI DAN RAKAMAN

7.1 Fotografi, videografi, siaran langsung, dan bentuk rakaman lain mungkin dijalankan sepanjang Kempen.

7.2 Dengan memasuki lokasi Kempen dan menyertai aktiviti Kempen, peserta bersetuju dengan penangkapan dan penggunaan imej, suara, keperibadian, kenyataan, dan rakaman mereka oleh Penganjur bagi tujuan pendidikan, promosi, pemasaran, pelaporan, publisiti, dan pengarkiban tanpa pampasan.

7.3 Seseorang Peserta yang tidak mahu difoto, dirakam, atau ditampilkan boleh memaklumkan Penganjur secara bertulis sebelum aktiviti Kempen berkenaan, dan Penganjur akan berusaha secara munasabah

untuk memenuhi permintaan tersebut, tertakluk kepada kekangan operasi dan lokasi. Sekiranya permintaan dibuat selepas sesuatu imej, rakaman, atau keperibadian telah ditangkap atau diterbitkan, Penganjur akan berusaha secara munasabah, tetapi tidak menjamin, untuk mengalih keluar atau menyamarkan keperibadian Peserta tersebut daripada penggunaan Bahan Kempen berkenaan pada masa hadapan.

8. PNEBUSAN ITEM PERCUMA

8.1 Peserta mesti menyempurnakan dan mengemukakan jawapan cerita dengan jayanya melalui platform penyertaan rasmi yang ditetapkan oleh Penganjur bagi melayakkan diri untuk penebusan satu (1) set makanan percuma di Bungkus Kaw Kaw, Syopz Mall di Taylor's University Lakeside Campus.

8.2 Penebusan set makanan percuma adalah terhad kepada satu (1) penebusan bagi setiap peserta dan tertakluk kepada pengesahan oleh Penganjur.

8.3 Set makanan percuma disediakan atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada baki stok.

8.4 Penganjur berhak untuk menggantikan, mengubah suai, menghadkan, atau menarik balik mana-mana item penebusan tanpa notis terlebih dahulu.

8.5 Item percuma tidak boleh ditukar ganti, dipulangkan wang, dipindah milik, atau ditebus sebagai wang tunai.

8.6 Penebusan Item Percuma mesti dibuat dalam Tempoh Kempen yang dirujuk dalam Klausa 3.1, atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Penganjur, jika gagal berbuat demikian, kelayakan Peserta untuk menebus Item Percuma tersebut akan luput tanpa apa-apa liabiliti kepada Penganjur.

8.7 Peserta yang mempunyai alahan makanan, intoleransi, atau keperluan pemakanan khas bertanggungjawab sepenuhnya untuk memaklumkan Vendor sebelum menikmati Item Percuma. Sama ada Penganjur atau Vendor tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa reaksi buruk, penyakit, atau kecederaan yang timbul daripada pengambilan Item Percuma tersebut.

9. DATA PERIBADI

9.1 Sebarang data peribadi yang dikumpul sepanjang Kempen akan diproses selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), serta amalan privasi Penganjur.

9.2 Data peribadi boleh dikumpul, digunakan, didedahkan, dan disimpan bagi tujuan berkaitan pentadbiran, penilaian, pendokumentasian, pelaporan, promosi, dan pembangunan masa hadapan Kempen serta inisiatif yang berkaitan.

9.3 Peserta boleh menggunakan hak mereka di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, termasuk hak untuk mengakses, membetulkan, atau menarik balik kebenaran terhadap pemprosesan data peribadi mereka, dengan menghubungi dpo@taylors.edu.my. Penganjur akan memaklumkan Peserta sekiranya penarikan balik kebenaran menjejaskan keupayaan Penganjur untuk memproses Penyertaan Peserta atau penebusan Item Percuma.

10. HAD LIABILITY

10.1 Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan, kos, perbelanjaan, atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen, penebusan mana-mana item percuma, atau penggunaan mana-mana bahan berkaitan Kempen.

10.2 Peserta menyertai Kempen atas risiko mereka sendiri.

10.3 Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan, peninggalan, kecuai, kesilapan, gangguan, kecacatan, kelewatan, kerugian, kerosakan, kecederaan, penyakit, atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan produk, perkhidmatan, atau kelakuan mana-mana vendor, pembekal, rakan kongsi, atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik sehubungan dengan Kempen, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal makanan dan minuman.

11. GANTI RUGI

Peserta bersetuju untuk memberi ganti rugi dan memastikan Penganjur, pegawai, pekerja, wakil, ejen, syarikat sekutu, dan rakan kongsinya tidak menanggung rugi daripada sebarang tuntutan, kerugian, liabiliti, kerosakan, kos, atau perbelanjaan yang timbul daripada pelanggaran Terma dan Syarat ini atau penyertaan peserta.

12. AM

12.1 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

12.2 Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

12.3 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12.4 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana Soalan Lazim kempen, bahan promosi atau komunikasi, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

12.5 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, perbezaan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menjadi versi yang mentadbir.

13. FORCE MAJEURE (KEJADIAN LUAR JANGKA)

Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini apabila kegagalan atau kelewatan tersebut timbul daripada sebab-sebab di luar kawalan munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kejadian force majeure, kebakaran, banjir, wabak atau pandemik, tindakan atau sekatan kerajaan, kekacauan awam, mogok, atau kegagalan atau ketidakterediaan mana-mana lokasi atau Vendor pihak ketiga. Dalam keadaan sedemikian, Penganjur boleh menggantung, mengubah suai, atau membatalkan Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa liabiliti kepada mana-mana Peserta.